

26 FEB 1999

SC-PENGERUSI

DAIM MUNGKIN UMUMKAN PENGERUSI BARU SC ESOK, KATA MUNIR MAJID

KUALA LUMPUR, 26 Feb (Bernama) -- Pengerusi Suruhanjaya Sekuriti Datuk Dr Mohd Munir Abdul Majid berkata Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin mungkin mengumumkan pengganti beliau esok.

Tempoh perkhidmatan Munir tamat pada akhir bulan ini.

Menurut Munir beliau telah menyampaikan hasratnya untuk tidak memperbaharui kontraknya kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada bulan November tahun lalu tatkala Dr Mahathir menjadi Menteri Kewangan Pertama. Beliau kemudian telah juga memberitahu Tun Daim mengenai perkara tersebut, jelas beliau.

"Saya percaya Menteri Kewangan Pertama telah mengenal pasti seseorang untuk mengambil alih daripada saya," tambah beliau.

Menyentuh tentang rancangan beliau selepas menamatkan perkhidmatannya, beliau berkata: "Tidak wajar saya mencari pekerjaan lain ketika masih menjadi pengerusi SC."

Menurutnya, beliau akan mencari kerja baru selepas mengambil cuti.

Ditanya sama ada beliau akan terus berkecimpung dalam industri sekuriti atau kewangan, Munir berkata: "Saya sudah menceburi beberapa bidang dalam hidup saya, sebagai wartawan, pegawai bank saudagar, pengajar di universiti dan juga pengawal selia.

"Saya terpaksa fikir apa yang saya hendak buat."

Munir yang telah memegang jawatan pengerusi SC sejak enam tahun lalu, juga adalah pengerusi pertama suruhanjaya tersebut.

Mengenai pencapaian yang paling membanggakannya sebagai pengerusi SC, beliau berkata: "Saya lebih suka jika anda yang membuat analisis. Banyak perkara yang telah dicapai, tetapi terdapat juga beberapa kepincangan."

-- BERNAMA

AD KY MA